



KEMENTERIAN PELANCONGAN, MALAYSIA

SIARAN MEDIA

“Colours of 1Malaysia 2010” dianjurkan dengan kelainan

Kementerian Pelancongan fokus lima produk utama pelancongan

KUALA LUMPUR, 15 Mei 2010 – Acara tahunan “Colours of 1Malaysia” anjuran Kementerian Pelancongan pada tahun ini akan dipersembahkan dengan tema dan konsep yang berbeza dalam suasana gilang-gemilang, berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya dengan *tagline* “Perarakan Pelancongan Malaysia Terhebat”.

Bertemakan “Colours of 1Malaysia 2010”, acara ini akan bermula seawal jam 5.00 petang pada 22 Mei 2010 di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Dianggarkan seramai 6,000 orang peserta akan mengambil bahagian dalam perarakan persembahan kali ini.

Pelancaran rasmi akan disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Hj. Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak juga dijangka hadir pada malam itu.

Kumpulan perarakan persembahan pula adalah berdasarkan konsep 5 zon yang telah dipilih mengikut kesesuaian produk pelancongan iaitu :-

- i. Persembahan Zon Pantai Timur - “Homestay”
- ii. Persembahan Zon Utara - “Fabulous Food 1Malaysia” (atau Pesta Makanan dan Buah – buahan)
- iii. Persembahan Zon Tengah - “Jualan Mega dan lokasi membeli belah”

iv. Persembahan Zon Selatan - "Pulau-pulau dan Pantai-pantai yang indah"(atau *Golden Beaches and Islands*)

v. Persembahan Zon "Eko-pelancongan"

Manakala 3 kumpulan yang mewakili etnik Malaysia pula akan membuat persembahan berikut :-

i. Persembahan Sewang – Orang Asli

ii. Persembahan Masyarakat Cina

iii. Persembahan Masyarakat India

Perarakan persembahan akan diadakan sepanjang 1.5 km yang bermula dari Jalan Raja menuju ke Jalan Raja Laut, terus ke Jalan Isfahan, kemudian ke Jalan Tunku Abdul Rahman dan akhir sekali masuk semula ke Jalan Raja di Dataran Merdeka.

Persembahan "Wajah-wajah 1Malaysia" (atau *Faces of 1Malaysia*) yang dipertontonkan di Washington semasa lawatan YAB Perdana Menteri Malaysia ke sana baru-baru ini akan turut dipersembahkan kepada tetamu-tetamu serta pengunjung yang hadir di Dataran Merdeka pada malam itu.

"*Colours of 1Malaysia*" adalah satu persembahan *street performance* yang mula diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia pada tahun 1999 dengan tujuan utama menarik lebih ramai pelancong dari luar berkunjung ke negara ini. Di samping itu, penganjurannya juga adalah bagi menyerlahkan kekayaan warisan budaya negara melalui muzik, nyanyian dan tarian.

Citrawarna pada asalnya diadakan di Dataran Merdeka dan disertai oleh peserta-peserta kebudayaan dari setiap negeri. Pada tahun 2004 Citrawarna telah diadakan didalam Stadium Nasional Bukit Jalil yang masih mengekalkan konsep *street performance*.

Pada tahun 2005 dengan konsep yang sama Citrawarna berubah lokasi ke Stadium Merdeka dan kemudian ke Dataran Merdeka. Pada tahun 2007 diadakan di Boulevard, Putrajaya dan kemudian kembali ke Dataran Merdeka pada tahun 2009.

Pada tahun 2010, satu persembahan mega Dikir Barat yang akan mencatat penyertaan paling ramai iaitu seramai 5,000 orang peserta dalam "Malaysia Book of Record". Persembahan perarakan "Colours of 1Malaysia" akan diakhiri dengan persembahan Tarian Cuti-Cuti 1Malaysia yang gerak tarinya dicipta khas oleh Kementerian Pelancongan Malaysia beserta persembahan "Wajah – Wajah 1 Malaysia" dari Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK).

Disediakan khas oleh Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelancongan Malaysia
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi T: +603 4043 0462 atau emel: info@motour.gov.my